☑ Utusan Malaysia
☐ Mingguan Malaysia
Tarikh: 9/5/2012
Hari: Rabu M/S: 22
Ruangan: Dalam Negeri

Selaraskan tempoh latihan industri

KUALA LUMPUR 8 Mei - Institusi pengajian tinggi (IPT) tempatan disaran supaya menyelaraskan tempoh minimum program latihan industri kepada enam bulan.

Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin berkata, tempoh latihan industri yang diikuti penuntut-penuntut IPT pada masa ini adalah tidak seragam.

"Ada penuntut yang menjalani latihan industri selama empat bulan atau kurang, bergantung kepada jurusan yang diambil.

"Saya berharap pihak pengurusan IPT memberi pertimbangan untuk menyelaraskan tempoh latihan industri kepada sekurang-kurangnya enam bulan," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas menyaksikan majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) Latihan Industri antara Agensi Berita Nasional Malaysia (*Bernama*) dengan IPT Awam dan Swasta di Wisma Bernama di sini hari ini.

MOHAMED KHALED

Hadir sama, Timbalan Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan, Senator Datuk Maglin Dennis D' Cruz; Pengurus Besar Bernama, Datuk Hasnul Hassan dan Naib Canselor Universiti Teknologi Mara (UiTM), Prof. Datuk Ir. Dr. Sahol Hamid Abu Bakar.

MoU tersebut ditandatangani antara *Bernama* dengan tujuh IPTS iaitu UiTM, Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Sultan Zainal Abidin (Unisza), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Malaya (UM) dan Universiti Utara Malaysia (UUM).

Lima IPTS yang turut menandatangani MoU adalah Universiti Teknologi Kreatif Limkokwing, Kolej Universiti Infrastruktur Kuala Lumpur (KLIUC), Multimedia College Sdn. Bhd. (MMC), Universiti Selangor (Unisel) dan Kolej Poly-Tech Mara (KPTM).

Dalam pada itu, menurut Mohamed Khaled, Kementerian Pengajian Tinggi turut mencadangkan agar semua majikan di negara ini diwajibkan menyediakan program latihan industri untuk penuntut IPT.

Menurut beliau, peranan majikan amat penting dalam menyediakan penuntut IPT sebagai modal insan yang menepati kehendak pasaran kerja.

"Majikan hendaklah memberi pendedahan dan pengisian tugas yang berkaitan dengan kurikulum yang sedang diikuti penuntut terbabit.

"Kita tidak mahu penuntut IPT diberi tugas-tugas lain yang tidak berkaitan seperti yang pernah berlaku dahulu," ujarnya.

Menurutnya, penuntut IPT yang mengikuti program latihan industri perlu diberi peluang menimba pengalaman dalam bidang berkaitan agar mereka dapat dibentuk menjadi modal insan berkualiti.